

**Dua Cedera Apabila Penyokong MIC Dan PKR Bertemu Di Pejabat Perdana Menteri Bernama
02 Mei, 2012**

PUTRAJAYA, 2 Mei (Bernama) -- Kehadiran lebih 200 penyokong MIC dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Pejabat Perdana Menteri pada Rabu dengan masing-masing mendakwa untuk mempertahankan hak masyarakat India, akhirnya menjadi kecoh.

Akibat pertikaman lidah antara kedua-dua kumpulan, pergaduhan tercetus sehingga mengakibatkan dua cedera dan dihantar ke Hospital Putrajaya untuk menerima rawatan. Identiti mereka yang cedera tidak diketahui.

Kumpulan penyokong MIC diketuai Ketua Pergerakan Pemuda MIC kebangsaan T. Mohan dikatakan hadir bagi mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak atas keprihatinan beliau dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat India termasuk sekolah Tamil, kuil, masalah ekonomi dan kewarganegaraan.

PKR pula diketuai Naib Presiden N. Surendran dan Ketua Wanita Zuraidah Kamaruddin, dikatakan hadir untuk memohon kad pengenalan biru untuk seorang pelajar perempuan tingkatan lima yang didakwa gagal mendaftar untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolahnya akibat masalah itu.

Kejadian yang bermula pada pukul 11.30 pagi itu pada mulanya berlangsung dengan aman apabila kedua-dua penyokong mengadakan perarakan di kawasan itu sambil melaungkan slogan masing-masing.

---BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663211>